



UNTUK SIARAN
SEGERA
1 JANUARI 2022

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENDAFTARAN MULAI 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 JANUARI 2022 BAGI BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) BERNILAI RM8.2 BILION

Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh pendaftaran baharu dan kemas kini Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) akan dibuka mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Januari 2022¹. Ini adalah bertujuan untuk memastikan mereka yang layak atau masih tiada dalam pangkalan data Kerajaan dapat mengemukakan permohonan masing-masing. Penerima sedia ada yang mempunyai sebarang perubahan maklumat juga berpeluang membuat pengemaskinian.

Secara keseluruhan, **BKM pada tahun 2022 akan memanfaatkan lebih 9.6 juta penerima dengan peruntukan RM8.2 bilion iaitu peningkatan berbanding 8.6 juta penerima dengan peruntukan RM7 bilion di bawah BPR pada tahun 2021.**

Bagi mengurangkan golongan yang tercicir (atau *exclusion error*), data berikut akan dibawa secara automatik ke dalam sistem BKM untuk disemak silang kelayakan mengikut syarat yang ditetapkan:

1. Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021;
2. Penerima Bantuan Khas COVID (BKC) B40 2021;
3. Pemohon BPR 2021 yang tidak lulus atas alasan menerima Geran Khas Prihatin;
4. Data agensi Kerajaan yang lain merangkumi data e-Kasih, bantuan JKM, penghuni Perumahan Awam atau Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL dan KPKT, Orang Asli JAKOA, gelandangan berdaftar dengan KPWKM dan DBKL, ibu tunggal berdaftar dengan KPWKM, penerima Skim Insurans Pekerjaan PERKESO dan penerima zakat atau baitulmal di Lembah Klang.

¹ Sila rujuk kepada Jadual di Lampiran

Pemohon BKM boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) yang dimuat naik di portal rasmi BKM <https://bkm.hasil.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Kerajaan kekal komited dalam memastikan bantuan yang disediakan menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
1 Januari 2022

Lampiran

Jadual: Permohonan BKM

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	1 - 31 Januari 2022	Melalui https://bkm.hasil.gov.my
Secara manual / fizikal	3 - 31 Januari 2022	Hadir ke: <ul style="list-style-type: none">• Cawangan LHDNM; atau• Pejabat Satelit (PS) LHDNM; atau• Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM; atau• Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan BKM.